

SINGAPURA

BeritaHarian

Kerja sukarelawan bulatkan tekad jadi doktor

Aug 14, 2025 | 3:47 PM



Encik Aufal Aufiya Indra Gunawan tertarik dengan tanggungjawab doktor dalam memimpin pelan rawatan yang menyeluruh dan membuat keputusan penting demi kebaikan pesakit. - **Foto BH oleh KHALID BABA**

Sebelum memulakan pengajian di sekolah perubatan, Encik Aufal Aufiya Indra Gunawan, 19 tahun, sudah pun menabur bakti kepada masyarakat melalui pelbagai cara.

Beliau membantu dalam persiapan makanan di dapur amal Willing Hearts untuk golongan memerlukan, menjadi sukarelawan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK

(KKH), dan membimbing murid sekolah rendah di Khidmat Masyarakat Touch dalam kemahiran membaca dan mengira.

Bagi Encik Aufal, setiap peluang ini membentuk sudut pandangannya terhadap penjagaan kesihatan.

Beliau percaya menjadi doktor bukan sekadar merawat penyakit, tetapi juga membimbing dan memperkasa pesakit dalam perjalanan rawatan mereka.

“Ia tentang membina hubungan berasaskan kepercayaan dan kefahaman, mendengar kisah mereka, memahami cabaran yang mereka hadapi dan meyakinkan mereka bahawa saya adalah seseorang yang boleh mereka harapkan untuk mendapatkan sokongan,” katanya.

Rasa empati itu terserlah dalam pengalamannya di KKH, ketika beliau menjaga seorang kanak-kanak yang terpaksa tinggal di hospital lebih lama daripada dijangka dan jarang menerima kunjungan.

Pesakit muda itu penuh bertenaga tetapi kurang bercakap, sering berlari di wad mencari hiburan.

“Jururawat sangat sibuk, jadi kadang-kadang beliau hanya bermain sendirian. Saya cuba luangkan masa dengannya, walaupun sekejap. Dari situ saya sedar bahawa perhatian ikhlas, walau sesaat, boleh memberi makna besar kepada seseorang,” kata Encik Aufal, sambil menambah bahawa pengalaman itu mengajarnya nilai kesabaran, empati yang mendalam dan pentingnya memahami keperluan emosi pesakit.

Pengalaman inilah yang mengukuhkan prinsipnya bahawa sentuhan kemanusiaan adalah sama pentingnya dengan rawatan perubatan.

Ia juga diperkukuh melalui *job shadowing* atau pengamatan kerja, di mana beliau mengikuti kerja doktor, jururawat, ahli fisioterapi dan ahli terapi pertuturan. Walaupun semua peranan ini bermakna, Encik Aufal paling tertarik dengan tanggungjawab doktor dalam memimpin pelan rawatan yang menyeluruh dan membuat keputusan penting demi kebaikan pesakit.

Encik Aufal baru sahaja memulakan pengajian di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Beliau tertarik kepada pendekatan pembelajaran berasaskan pasukan yang menekankan pembelajaran kolaboratif, selaras dengan gaya belajar yang beliau gemari.

Sekolah itu turut menekankan aspek seni kemanusiaan perubatan yang benar-benar meninggalkan kesan mendalam pada dirinya. “Bagi saya, falsafah penting yang saya pegang dalam hidup ialah kita bukan sekadar merawat penyakit, tetapi merawat insan di sebaliknya,” katanya.



Encik Aufal Aufiya Indra Gunawan, 19 tahun, bersama ibunya, Cik Yudith Fabiola, 47 tahun di Majlis Kot Putih LKCMedicine, menandakan permulaan perjalanan anak muda itu sebagai doktor masa depan. - **Foto BH oleh KHALID BABA**

Anak bongsu dalam keluarga dua beradik ini menjadikan bapanya yang bekerja di luar negara demi keselesaan keluarga sebagai sumber inspirasi.

Walaupun belum menetapkan bidang khusus, beliau berminat dalam bidang onkologi kerana hubungan jangka panjang yang terjalin antara doktor dan pesakit.

“Matlamat saya mudah,” katanya. “Saya mahu menemani pesakit dalam perjalanan rawatan mereka dengan empati, rasa hormat dan keikhlasan.”

<https://www.beritaharian.sg/singapura/kerja-sukarelawan-bulatkan-tekad-jadi-doktor>